

23/12/1997

244 acara disediakan

KUALA LUMPUR, Isnin - Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan merancang 244 acara sempena Tahun Sukan dan Rekreasi 1998.

Menterinya, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata langkah itu antara lain bagi menarik pelancong asing di samping menggalak rakyat tempatan bercuti dalam negara.

"Kita tidak menggalakkan rakyat bercuti ke luar negara, khusus ketika mengalami kegawatan ekonomi sekarang. Jadi kita perlu mengadakan pelbagai acara bagi membolehkan mereka bercuti bersama keluarga di dalam negara," katanya ketika ditemui di pejabatnya, hari ini.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata lebih banyak acara antarabangsa yang boleh menarik pelancong perlu dianjurkan di Malaysia.

Sabbaruddin berkata, antara acara utama bertaraf antarabangsa yang akan diadakan sepanjang Tahun Sukan dan Rekreasi 1998 ialah Sukan Komanwel dan Larian Jambatan Pulau Pinang, Regata Labuan dan Le Tour de-Langkawi.

Beliau berharap acara itu tidak menghadapi sebarang masalah.

(END)